



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Melaka

#jpnmelakajenamakerajaanno1

PROJEK KM²

@ KEMENJADIAN MURID MELAKA

MODUL KSSM

2021
FASA 2

SAINS TINGKATAN 4

NAMA MURID :

NAMA KELAS :

NAMA GURU :



“PENDIDIKAN BERKUALITI, INSAN TERDIDIK, NEGARA SEJAHTERA”



**SENARAI NAMA AHLI PANEL PEMBINA MODUL KSSM @ KM²
MATA PELAJARAN SAINS KSSM TINGKATAN 4**

NAMA GURU PANEL	NAMA SEKOLAH
RAMZI BIN HJ NAIM (Guru Sumber)	SMK AGAMA TUN PERAK
MASLINA BINTI MOHAMED SA'AD (Guru Sumber)	SMK DATO DOL SAID
NORAINI BINTI MD ALI	SMK DATO' ABDUL RAHMAN YA'KUB
MD AZRIM BIN SAMAD	SMK SERI MAHKOTA
SITI ZURAINI BINTI AHMAD PUAT	SMA AL EHYA AL KARIM
WEI LENG SEONG	SMK SIMPANG BEKOH
NAZIHA BINTI OMAR	SMK MUNSHI ABDULLAH
MARZANAH BINTI ALIMAT	SMK PERNU
ROMINI BINTI YAAKOP	SMK AGAMA SHARIFAH RODZIAH
ZAKIAH BINTI AYUB	SMK ISKANDAR SHAH
MUHAMMAD FAKHRURRAZI BIN ISNIN	SM AGAMA ASSYAKIRIN SELANDAR
AZLA BINTI YAAKOP	SMK AGAMA TUN PERAK
HASLINAWATI BINTI HASSAN	SMK AYER KEROH


**EDISI PERTAMA 2021
CETAKAN JABATAN PENDIDIKAN MELAKA**

BAB 2 BANTUAN KECEMASAN

SK	SP		TP	TERCAPAI
2.1	2.1.1	Resusitasi Kardiopulmonari <i>(Cardiopulmonary Resuscitation, CPR)</i>		
2.2	2.2.2	Heimlich Manoeuvre		

1.0 Resusitasi Kardiopulmonari (*Cardiopulmonary Resuscitation*) atau disebut _____ ialah bantuan kecemasan yang melibatkan gabungan teknik tekanan di bahagian _____ dan _____ ke dalam mulut mangsa untuk mengembalikan _____ dan _____.

Lengkapkan rajah di bawah;



Rajah Situasi yang Memerlukan CPR

Nota Bestari

2.2 Kaedah CPR

Rujuk Buku Teks M/surat
22-23

Keadaan-keadaan yang dinyatakan mungkin disebabkan oleh:



a) _____



b) _____




c) _____



d) _____

Kaedah CPR :





Kepentingan CPR


- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.
- 6.

2.0 HEIMLICH MANOEUVRE (Rawatan bantu mula bagi tercekik)

Definisi Heimlich Manoeuvre


_____ merupakan bantuan kecemasan yang dilakukan untuk menyelamatkan seseorang individu yang _____.

Bagaimana seseorang boleh tercekik?



Apabila seseorang menelan makanan, epiglotis akan terlipat dan menutup _____. Makanan terus bergerak ke dalam esofagus menuju ke perut. Jika makanan menghalang saluran pernafasan, seseorang akan _____.

KEPENTINGAN HEIMLICH MANOEUVRE



Kekurangan oksigen 4-6 minit sel - sel otak akan mula mati.

Selepas 10 minit semua bahagian otak akan mati.

Kejadian tercekik boleh berlaku pada orang dewasa dan kanak - kanak.

Menurut kajian kanak - kanak dan bayi 6 bulan hingga setahun paling berisiko untuk tercekik.

Contoh bendasing yang biasa tersangkut di saluran pernafasan..

Ketulan daging , coklat, ketulan makanan , biji - bijian, mainan kecil.



PENTING !!!!

Jangan menepuk belakang ketika mangsa berdiri. Ini menyebabkan objek yang tersangkut pada kerongkong tadi akan masuk lebih dalam.

Jangan korek mulut mangsa untuk melihat makanan tersebut.

KAEDAH HEIMLICH MANOEUVRE

1




Berdiri di belakang mangsa
dan _____ badan
mangsa sedikit ke hadapan.

2



_____ tangan dari belakang mangsa
dan _____
tangan kanan.

3



Letakkan genggaman tangan
kanan di antara _____
dengan bawah _____.
Letakkan _____
di atas genggaman tangan
kanan yang digenggam

4



Tekan dan _____ ke
atas dengan _____ dan
_____. Tekanan yang
diberikan akan
menambahkan tekanan di
dalam _____,
menyebabkan
_____ tertolak
keluar.

Kaedah Heimlich Manoeuvre pada diri sendiri




Letakkan tangan di antara pusat dengan bawah rusuk.

Berikan tekanan pada bahagian tersebut dengan bongkokkan badan.

Jika tiada tenaga, cari objek separas pinggang seperti kerusi atau meja.

Bagaimana kaedah Heimlich Manoeuvre pada bayi.




Senaraikan langkah-langkah di bawah.

- 1.....
- 2.....
- 3.....
- 4.....

LATIHAN PENGUKUHAN

Objektif

1. Rajah 1 menunjukkan salah satu prosedur dalam kaedah CPR.



Rajah 1

Nyatakan urutan bagi memeriksa pernafasan mangsa pada kaedah yang ditunjukkan pada Rajah di atas.

- A. Merasa, mendengar dan memerhati
- B. Memerhati, mendengar dan merasa
- C. Mendengar, memerhati dan merasa
- D. Merasa, memerhati dan mendengar

1. Rajah 2 menunjukkan sebahagian daripada prosedur CPR.



Rajah 2

Mengapakah langkah di Rajah 2 perlu dijalankan?

TP1

- A. Memeriksa tindak balas mangsa
- B. Meminta pertolongan dari orang lain
- C. Membetulkan kedudukan badan mangsa sebelum menekan bahagian dadanya
- D. Menarik perhatian mangsa dan orang lain

2. Apakah tujuan CPR dilakukan ke atas seorang individu?

TP2

- A. Apabila seseorang itu tidak bernyawa
- B. Dilakukan sementara menunggu kawan kita yang lebih pandai
- C. Mencegah kerosakan otak sebelum menerima bantuan perubatan
- D. Apabila seseorang jatuh pengsan

4. Rajah 2 menunjukkan makanan yang tersekat dalam saluran pernafasan seseorang.



Rajah 2

Apakah kesan keadaan di atas kepada mangsa?

- A. Merasa loya
- B. Sukar bernafas
- C. Serangan jantung
- D. Serangan jantung semakin pantas

5. Sekiranya seseorang itu tercekik di rumah sendirian, apakah yang boleh dilakukan untuk menyelamatkan dirinya? TP3

- A. Menumbuk bahagian bawah rusuknya sendiri berkali-kali
- B. Menumbuk dada sendiri berkali-kali
- C. Menekan bahagian bawah rusuk dengan kerusi di rumah
- D. Memaksa diri untuk muntah


6. Apabila seseorang menelan makanan, _____ akan terlipat dan menutup saluran pernafasan TP1



- A. Epiglotis
- B. Larink
- C. Farink
- D. Trakea

Soalan struktur :

1. Rajah 1 menunjukkan empat posisi sangkar rusuk



Rajah 1

- a) Bulatkan titik tekanan CPR yang dikenakan ke atas mangsa lemas di dalam kolam renang pada rajah 1 di atas [1 markah]
- b) Senaraikan 3 situasi mangsa yang mesti diperhatikan oleh orang yang menjalankan kaedah CPR untuk mengenalpasti mangsa itu masih bernyawa
- _____
 - _____
 - _____
- [3 marka]

2. Rajah 2.1 menunjukkan seorang lelaki yang sedang berada dalam suatu keadaan kecemasan.



Rajah 2.1

- (a) (i) Apakah kemungkinan keadaan kecemasan tersebut?

_____ [1 markah]

- (ii) Berikan sebab bagi jawapan anda di (a) (i).

_____ [1 markah]

- (b) Namakan bantuan kecemasan yang sesuai diberikan pada lelaki tersebut.

[1 markah]

- (c) Rajah 2.2 menunjukkan satu daripada prosedur semasa melakukan bantuan namakan di (b).



Rajah 2.2

- (i) Nyatakan kepentingan prosedur ini.

[1 markah]

- (ii) Terangkan satu tindakan yang perlu dilakukan untuk mengelakkan kecederaan penyelama] menialankan prosedur yang ditunjukkan pada Rajah 2.2.

[2 markah]

3. Rajah 2 menunjukkan seorang individu yang tercekik.



Rajah 2

- a) Namakan prosedur yang perlu dijalankan untuk membantu individu yang tercekik. TP1

[1 markah]

- b) Apakah yang akan berlaku kepada individu di Rajah 2 sekiranya bantuan kecemasan di 2(a) tidak dilakukan? TP2

[1 markah]

- c) Susunkan langkah-langkah di bawah untuk menerangkan prosedur di 2(a).
TP3

Langkah	Susunan
Letakkan genggaman tangan kanan di antara pusat dengan bawah rusuk mangsa	
Berdiri di belakang mangsa dan Bengkokkan badan mangsa ke hadapan	
Tekan dan sentak dengan kuat sehingga objek terkeluar daripada mulut mangsa	
Letakkan tangan kiri di atas genggaman tangan kanan	
Kelilingkan tangan anda dari belakang mangsa dan genggam tangan kanan	

[5 markah]

- d) Nyatakan dua keadaan yang menunjukkan mangsa perlu dijalankan prosedur di 2(a). TP2
 (i) _____
 (ii) _____

[2 markah]


- e) (i) Sekiranya tiada orang lain di sekeliling, bolehkah prosedur di 2(a) dijalankan sendiri oleh mangsa? TP2

 [1 markah]
 (ii) Terangkan secara ringkas bagaimana prosedur di 2(a) boleh dijalankan sendiri oleh mangsa. TP3

[2 markah]

Esei :

- 1 Heimlich Manoeuvre ialah bantuan kecemasan yang dilakukan untuk menyelamatkan seseorang individu yang tercekik
- (a) Nyatakan empat langkah Heimlich Manoeuvre
 [4 markah]
- (b) Rajah di bawah menunjukkan dua situasi yang memerlukan resusitasi kardiopulmonari (CPR).



Kaji maklumat dalam rajah di atas dan bina konsep resusitasi kardiopulmonari (CPR). Jawapan anda hendaklah berdasarkan aspek-aspek berikut:


- (i) Kenal pasti dua tindakan utama CPR [2markkah]
- (ii) Beri satu situasi lain yang memerlukan CPR [1 markah]
- (iii) Berikan dua kepentingan CPR [2 markah]
- (iv) Terangkan konsep sebenar CPR [1 markah]

BAB	3.0 TEKNIK MENGUKUR PARAMETER KESIHATAN BADAN			
SK	SP		TP	TERCAPAI
3.1	3.1.1	Mengukur suhu badan menggunakan teknik yang betul.	1	
	3.1.2	Menginterpretasi suhu badan	2	
3.2	3.2.1	Mengenal pasti titik nadi pada badan	1	
	3.2.2	Menjalankan eksperimen bagi menentukan kadar denyutan nadi manusia	4	
3.3	3.3.1	Mengenal pasti alat mengukur tekanan darah	2	
	3.3.2	Mengukur dan merekod tekanan darah	2	
	3.3.3	Menginterpretasi data daripada bacaan tekanan darah	3	
3.4	3.4.1	Mengira dan menentukan Indeks Jisim Badan	4	
	3.4.2	Menginterpretasi Indeks Jisim Badan dan membuat keputusan mengenai tindakan yang perlu diambil	6	


NOTA BESTARI

3.1	Suhu Badan	Buku Teks,ms 34-36
------------	-------------------	---------------------------


Lengkapkan peta bulatan di bawah bagi menerangkan maksud suhu badan. (TP1)




Lengkapkan maklumat di bawah. (TP1)



Lengkapkan peta alir di bawah bagi menerangkan teknik yang betul bagi mengukur suhu badan. (TP1)





Lengkapkan tempat kosong bagi menginterpretasi suhu badan. (TP2)

Suhu badan manusia yang normal ialah

Peningkatan atau penurunan suhu badan menunjukkan badan berada dalam keadaan

Faktor yang menyebabkan suhu badan melebihi suhu normal adalah akibat daripada

(a)

(b)

(c)

Kita boleh mendapat demam apabila suhu badan kita melebihi akibat daripada jangkitan dan

..... dan matahari yang melampau juga boleh menyebabkan suhu badan kita meningkat.


Suhu badan yang terlalu rendah juga boleh membawa

NOTA BESTARI


3.2

Kadar Denyutan Nadi**Buku Teks,ms 37-40**


Melengkapkan peta bulatan di bawah bagi menerangkan kadar denyutan nadi (TP2)



Labelkan titik nadi dalam Rajah 1 dengan menggunakan jawapan di bawah. (TP1)



Wajah	Brakialis	Radial	Pedis dorsal
Femoralis	Karotid	Poplitea	Tibialis posterior



NOTA BESTARI**3.3****Tekanan Darah****Buku Teks,ms 41-42**

Padangkan pernyataan di bawah dengan betul.(TP2)

Tekanan darah	millimeter merkuri (mmHg)
Alat untuk mengukur tekanan darah	Tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah semasa otot jantung mengecut
Unit dan simbol bagi tekanan darah	Tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah semasa otot jantung berehat
Untuk mendapatkan bacaan yang tepat, sfigmomanometer digunakan bersama	Tekanan yang dikenakan oleh darah pada dinding salur darah semasa peredaran darah.
Tekanan sistolik	Sfigmomanometer
Tekanan diastolik	Stetoskop

- a) Bacaan tekanan darah yang tinggi menunjukkan individu itu berpotensi mendapat penyakit atau
- b) Tekanan darah yang normal adalah di antara bagi tekanan sistolik dan bagi tekanan diastolik.
- c) Individu yang mempunyai tekanan darah mmHg, boleh dikatakan sebagai golongan berisiko mendapat penyakit tekanan darah tinggi.
- d) Individu yang mempunyai tekanan darah 180/110 mmHg, berisiko mendapat
- e) Pemeriksaan dapat membantu kita memantau tahap kesihatan.

NOTA BESTARI

3.4

Indeks Jisim Badan (*Body Mass Index, BMI*)*Buku Teks,ms 43-44***Mengira indeks Jisim Badan (TP4)**

1. Indeks Jisim Badan atau BMI ialah

2. Formula pengiraan BMI

BMI = _____

- a) Kirakan BMI bagi murid A, jika jisim murid itu 80kg dan tingginya 154cm. Nyatakan kategori BMI bagi murid tersebut.

3. Kepentingan BMI adalah untuk

4. Carta BMI ialah seperti berikut :

BMI (kg m⁻²)	Kategori
<18.5	
	Jisim badan unggul
	Berlebihan jisim badan
	Obes

5. Masalah kesihatan yang dihadapi jika berat badan berlebihan adalah seperti

.....
Punca kepada masalah berat badan berlebihan adalah

6. Masalah akan timbul jika individu itu kurang jisim badan adalah seperti

Cara menambah jisim badan	Cara menurunkan jisim badan

Latihan Pengukuhan

- 1 Rajah 1 menunjukkan termometer klinik.



Nyatakan teknik yang betul bagi penggunaan termometer di atas.

- A Boleh digunakan untuk menyukat suhu cecair
- B Suhu mesti di bawah 35°C sebelum digunakan
- C Bacaan suhu diambil ketika termometer masih dibawah ketiak
- D Sesuai digunakan untuk bayi bawah 3 bulan

- 2 Rajah 2 menunjukkan cara untuk mengukur kadar denyutan nadi.



Apakah jenis denyutan nadi yang diukur?

- A Nadi Karotid
- B Nadi Radial
- C Nadi Lengan
- D Nadi tangan

- 3** Mengapa suhu badan manusia meningkat melebihi 37°C semasa demam?
- A** Suhu optimum bagi badan manusia
 - B** Meningkatkan kadar peredaran darah
 - C** Mencegah pertumbuhan patogen
 - D** Mengurangkan risiko kecederaan
- 4** Apakah kadar denyutan nadi normal bagi orang dewasa dalam seminit?
- A** 50-60
 - B** 60-80
 - C** 90-100
 - D** 110-120
- 5** Antara berikut yang manakah faktor yang mempengaruhi kadar denyutan nadi?
- I.** Jantina
 - II.** Tahap kesihatan
 - III.** Ketinggian
 - IV.** Aktiviti fizikal
- A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** II, III dan IV
 - D** Semua di atas

Soalan Subjektif

Bahagian A

- 1 Seorang murid telah menjalankan eksperimen untuk menyiasat kadar denyutan nadi bagi empat individu yang berbeza. Jadual 1 menunjukkan kadar denyutan nadi yang diperolehi.

Individu	Umur	Kadar denyutan nadi
A	2 bulan	
B	6 tahun	90
C	30 tahun	95
D	25 tahun	55

- a) Lengkapkan jadual di atas. (1 markah)
- b) (i) Nyatakan pemboleh ubah yang dimanipulasikan.

.....
(ii) Nyatakan pemboleh ubah bergerak balas.

..... (2 markah)

- c) Siapakah individu di atas merupakan seorang atlet?
..... (1 markah)
- d) Wajarkan jawapan anda di (c).
..... (1 markah)

Bahagian B

- 2 Pn. Siti berumur 50 tahun dan mempunyai tekanan darah tinggi. Beliau dinasihatkan oleh doktor agar mengurangkan berat badannya bagi mengelakkan daripada masalah yang lebih serius berlaku.
- a) Apakah langkah yang boleh diambil oleh Pn. Siti bagi mengurangkan berat badannya?
..... (1 markah)
- b) Senaraikan kelas makanan yang perlu dikurangkan oleh Pn. Siti dalam diet beliau sehari.
..... (1 markah)
- c) Sekiranya Pn. Siti mempunyai jisim 65kg dan tinggi 150cm. Kirakan BMI Pn.Siti dan nyatakan kategori BMInya.
..... (2 markah)
- d) Menu manakah yang sesuai diambil oleh Pn.Siti semasa sarapan?
Tandakan ✓ pada kotak di bawah.
- | | |
|-------------------|--|
| Sandwich telur | |
| Roti canai | |
| Susu rendah lemak | |
- (1 markah)

- 3 Rajah di bawah menunjukkan keratan akhbar yang berkaitan masalah obesiti di kalangan kanak-kanak di Malaysia.



- a) Nyatakan 2 punca kepada masalah obesiti dikalangan kanak-kanak.

.....

(2 markah)

- b) Sekiranya anda merupakan pengusaha kantin sekolah, terangkan langkah yang akan anda ambil bagi membantu mengatasi masalah di atas.

.....
.....

(1 markah)

- c) Ramalkan apakah yang akan berlaku kepada negara Malaysia jika masalah ini tidak diatasi dengan segera?

.....
.....

(2 markah)

Bahagian C:

- 1 Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan seseorang itu mengalami jisim badan berlebihan.

- a) Nyatakan 2 faktor yang menyebabkan seseorang mengalami jisim badan berlebihan. (2 markah)
- b) Penjualan makanan segera dan minuman manis di kantin sekolah menyumbang kepada peningkatan kes obesiti di kalangan kanak-kanak di Malaysia.
Huraikan cara bagaimana untuk mengatasi masalah ini.

Penerangan anda hendaklah mengandungi aspek-aspek berikut:

- c) (i) Kenal pasti masalah (1 markah)
- (ii) Penjelasan masalah (1 markah)
- (iii) Terangkan 3 kaedah yang boleh menyelesaikan masalah di atas (6 markah)
- d) Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya masalah ini tidak diatasi dengan segera. (2 markah)

BAB 4 TEKNOLOGI HIJAU DALAM MELESTARIKAN ALAM

SK	SP		TP	TERCAPAI
4.1	4.1.1	Definisi Teknologi Hijau	1	
	4.1.2	Empat Tonggak Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan	2	
	4.1.3	Sektor Dalam Teknologi Hijau	3	
4.2	4.2.1	Definisi isu sosiosaintifik	1	
	4.2.2	Isu mengenai sosiosaintifik sektor tenaga	2	
	4.2.3	Aplikasi Teknologi Hijau dalam menangani isu sosiosaintifik	3	
4.3	4.3.1	Isu sosiosaintifik Sektor Pengurusan sisa dan air sisa	2	
	4.3.2	Aplikasi Teknologi Hijau dalam menangani isu sosiosaintifik sektor Pengurusan sisa dan air sisa	3	
4.4	4.4.1	Isu sosiosaintifik Sektor pertanian dan perhutanan	2	
	4.4.2	Aplikasi Teknologi Hijau dalam menangani isu sosiosaintifik sektor pertanian dan perhutanan	3	
4.5	4.5.1	Isu sosiosaintifik Sektor pengangkutan	2	
	4.5.2	Aplikasi Teknologi Hijau dalam menangani isu sosiosaintifik sektor pengangkutan	3	
4.6	4.6.1	Definisi Jejak kaki karbon	1	
	4.6.2	Peranan individu dalam menangani fenomena pemanasan global dan perubahan iklim dalam mengurangkan jejak kaki karbon	4	

NOTA BESTARI

4.1	Kelestarian Alam Sekitar	Buku Teks,ms 52-55
-----	--------------------------	--------------------


1. **Teknologi Hijau** ialah pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk _____ serta meminimumkan atau mengurangkan _____. **TP 1**

2. Senaraikan **tiga** manfaat kecekapan tenaga kepada sesebuah negara melalui amalan Teknologi Hijau . **TP2**

- a) _____
- b) _____
- c) _____

3.Berdasarkan perkataan yang diberi, lengkapkan peta konsep berikut untuk menunjukkan kriteria pada produk atau sistem yang mengaplikasikan Teknologi Hijau. **TP2**

Sihat	Gas rumah hijau	Selamat
Tenaga	Boleh Baharu	Kualiti Persekutaran



4. Kenalpasti dan nyatakan tiga fungsi kelestarian dalam Dasar Teknologi Hijau Negara berdasarkan fungsi yang diberi. **TP2**

Fungsi		Tiga fungsi kelestarian dalam Dasar Teknologi Hijau Negara
1	Meningkatkan kualiti hidup	
2	Meningkatkan ekonomi negara melalui penggunaan teknologi	
3	Mempromosikan kecekapan dan mencari ketidakbergantungan	
4	Meminimumkan kesan dan memulihara alam sekitar	

5. Lengkapkan jadual di bawah berkaitan dengan sektor-sektor dalam Teknologi Hijau **TP2**

Sektor dalam Teknologi Hijau	Penerangan
	Usaha untuk menambah baik amalan dan mengawal aktiviti pertanian untuk mewujudkan dan mengekalkan lebih banyak tumbuhan yang boleh menyerap gas karbon dioksida.
	Usaha untuk mewujudkan pengangkutan hijau bagi mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor yang menggunakan bahan api fosil sebagai sumber tenaga.
	Usaha untuk meminimumkan pembuangan sisa dan air sisa melalui amalan hijau iaitu amalan 3R (recycle, reuse, reduce).
	Usaha untuk melaksanakan program kecekapan dan pengurusan tenaga bagi mengurangkan pembebasan gas rumah hijau.
	Usaha untuk mewujudkan lebih banyak Bangunan Hijau bagi

	mengurangkan pembebasan gas rumah hijau.
	Usaha dalam merekabentuk, penggunaan dan pelupusan alat komputer dan komunikasi dengan cara yang tidak mencemarkan alam.
	Usaha untuk menggantikan tenaga yang terhasil daripada bahan api fosil kepada sumber tenaga yang boleh baharu.

4.2	Sektor Tenaga	Buku Teks,ms 56-59
------------	----------------------	---------------------------

1. Isu sosiosaintifik ialah masalah terbuka yang merupakan _____ yang dikaitkan dengan sains dan menekankan aplikasi _____ kepada situasi dunia yang sebenar. **TP1**

2. Tandakan (/) pada isusosiosaintifik berkaitan dengan alam sekitar yang berlaku pada hari ini. **TP2**













3. Rajah di bawah menunjukkan contoh isu sosiosaintifik. Terangkan bagaimana perkara ini Telah menjadi isu sosiosaintifik yang berkaitan dengan sektor tenaga. **TP3**



4. Berikut ialah sumber tenaga alternatif yang boleh digunakan untuk menyelesaikan isu sosiosaintifik sektor tenaga terutamanya untuk mengurangkan kesan pencemaran akibat pembebasan gas rumah hijau. Berikan contoh aplikasi daripada sumber tenaga tersebut dalam beberapa sektor di negara kita. **TP 4**

Sumber Tenaga	Contoh Aplikasi
Matahari	
Angin	
Hidro	
Geoterma	
Biojisim	

1. Tandakan (/) pada punca sisa dan air sisa dalam kotak yang disediakan. **TP2**

Minum air

Mengosok gigi


Membaca Buku

Bersenam

Memasak Makanan

Membasuh Kereta

2. Lengkapkan peta konsep di bawah mengenai isu sosiosaintifik dalam sektor pengurusan sisa dan air sisa **TP 2**



3. Nyatakan 4 amalan Teknologi Hijau yang digunakan untuk mengurus sisa dan air sisa. **TP3**

- _____
- _____
- _____
- _____

4.4

Sektor Pertanian dan Perhutanan



Buku Teks,ms 62-64

1. Lengkapkan Peta Bulatan di bawah mengenai isu sosiosaintifik dalam sektor pertanian dan perhutanan. **TP2**




2. Lengkapkan rajah di bawah mengenai aplikasi Teknologi Hijau dalam menangani isu sosiosaintifik dalam sektor pertanian dan perhutanan. **TP2**

Aplikasi Teknologi Hijau dalam menangani isu sosiosaintifik



1. Lengkapkan rajah di bawah dengan isu-isu sosiosaintifik yang terlibat dalam sektor pengangkutan. **TP2**

Isu-isu sosiosaintifik yang terlibat dalam sektor pengangkutan.



2. Jelaskan bagaimana aplikasi Teknologi hijau berikut dapat menangani isu sosiosantifik sektor pengangkutan. **TP2**

Pengangkutan Hijau	Pengangkutan yang membebaskan gas rumah hijau dalam kadar _____ atau pembebasan _____
Penciptaan kenderaan gas asli	Menggunakan _____ atau _____ yang diubahsuai daripada petrol.
Penggunaan bahan api bio sebagai pengganti petroleum	Bahan api bio merupakan sumber alternatif yang merujuk kepada _____ yang dihasilkan daripada minyak sayuran serta _____. Sumber tenaga ini bersifat _____ dan lebih mesra alam.

3. Lengkapkan mod pengangkutan hijau dan kecekapan tenaga di bawah **TP3**



4.6

Teknologi Hijau dan Kehidupan

Buku Teks,ms 68-69

1. Jejak kaki karbon ialah jumlah gas rumah hijau iaitu gas _____ yang dibebaskan daripada aktiviti-aktiviti manusia seperti _____, pembakaran terbuka dan _____. **TP1**
2. Tandakan / pada fenomena yang dihasilkan oleh jejak kaki karbon yang Panjang.**TP2**

Tsunami	<input type="checkbox"/>
Perubahan iklim	<input type="checkbox"/>
Pemanasan global	<input type="checkbox"/>
Kejadian tanah runtuh	<input type="checkbox"/>


3. Lengkapkan rajah Jejak kaki Karbon**TP 2**



4. Namakan aktiviti yang menyumbang kepada pertambahan gas karbon dioksida di atmosfera. **TP2**

- a) _____
- b) _____
- c) _____
- d) _____

5. Senaraikan peranan individu dalam menangani fenomena pemanasan global dan perubahan iklim dalam mengurangkan jejak karbon dalam peta buih di bawah. **TP2**



LATIHAN PENGUKUHAN

BAB 4 : Teknologi Hijau dalam Melestarikan Alam

1. Antara yang berikut, manakah antara berikut adalah benar tentang maksud Teknologi Hijau?

- A Aplikasi produk dalam mengurangkan kesan negatif terhadap alam semula jadi
- B Pembangunan dan aplikasi sistem dalam memelihara alam sekitar serta mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia
- C Penggunaan tenaga yang kurang untuk melakukan sesuatu kerja dengan kadar yang sama
- D Aplikasi peralatan dalam memelihara alam sekitar dan mengurangkan pencemaran udara

2. Antara yang berikut manakah **benar** tentang kepentingan Teknologi Hijau?

- I Mengurangkan pengeluaran karbon
 - II Mengatasi masalah kemasuhan alam sekitar
 - III Menjimatkan penggunaan sumber asli
 - IV Meningkatkan ekonomi negara
- A I dan II
 - B I dan III
 - C I, II, dan III
 - D II, III, dan IV

3. Apakah tonggak utama Teknologi Hijau?

- A Teknologi
- B Sains
- C Tenaga
- D Ekonomi

4. Apakah usaha yang **tidak** perlu dilaksanakan dalam mempercekaikan tenaga?

- A Indeks Bangunan Hijau
- B Kempen teknologi cekap tenaga
- C Kempen kesedaran alam semula jadi
- D Label kecekapan tenaga bagi kelengkapan elektrik

5. Apakah aktiviti yang boleh mencetuskan isu sosiosaintifik terhadap alam sekitar?

- A Menjala ikan di sungai
- B Memburu binatang liar
- C Membiarakan haiwan ternakan memakan tanaman
- D Sisa makanan yang tidak dilupuskan dengan baik

6. Antara bencana alam berikut, manakah kesan daripada pembebasan gas rumah hijau?

- I Banjir kilat
 - II Kemarau yang berpanjangan
 - III Tanah runtuh
 - IV Peningkatan suhu
- A I, II, dan III
 - B I, II, dan IV
 - C II, III, IV
 - D I, II, III, IV

7. Antara berikut, apakah yang perlu ditekankan dalam Teknologi Hijau untuk mengatasi isu sosiosaintifik?
- I Cara tenaga dijana
 - II Kecekapan penggunaan tenaga
 - III Agihan tenaga yang dihasilkan
 - IV Cara tenaga digunakan dalam kehidupan
- A I, II, dan III
 - B I, II, dan IV
 - C II, III, dan IV
 - D I, II, III, dan IV
8. Apakah aplikasi untuk menangani isu sosiosaintifik?
- A Sumber tenaga solar
 - B Sumber tenaga semula jadi
 - C Sumber tenaga daripada petroleum
 - D Sumber tenaga nuclear
9. Apakah pengangkutan yang digunakan dalam sektor Teknologi Hijau?
- A Basikal
 - B Kenderaan sendiri
 - C Pengangutan awam
 - D Teksi
10. Apakah amalan dalam sektor pengangkutan yang dapat mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar?
- A Bergerak jauh dari rumah ke tempat kerja
 - B Bergerak lebih kerap dengan kenderaan sendiri
 - C Menggunakan pengangkutan awam
 - D Menggunakan kenderaan dengan kecekapan yang rendah
11. Apakah yang dimaksudkan dengan jejak kaki karbon?
- A Jumlah gas oksigen yang diperlukan oleh haiwan
 - B Jumlah gas rumah hijau yang dibebaskan daripada aktiviti-aktiviti manusia
 - C Jumlah gas karbon dioksida yang dibebaskan daripada proses semula jadi
 - D Jumlah gas karbon dioksida yang diperlukan oleh tumbuhan semasa fotosintesis

Bahagian A

1. Gambar foto di bawah menunjukkan satu sosiosaintifik dalam sektor pertanian dan perhutanan.



- a) Namakan isu sosiosaintifik tersebut.
-
- b) Nyatakan dua faktor penyumbang kepada isu sosiosaintifik tersebut.
-
- c) Terangkan bagaimana isu sosiosaintifik yang anda namakan di atas boleh menyebabkan berlaku banjir lumpur.
-
- d) Cadangkan satu aplikasi Teknologi Hijau dalam menangani isu sosiosaintifik yang anda namakan di a).
-

Bahagian B

1. Rajah 1 menunjukkan salah satu contoh bangunan hijau yang terdapat di Malaysia.



- a) i. Nyatakan salah **satu** kriteria yang perlu dimiliki sesebuah bangunan sebelum diklasifikasikan sebagai bangunan hijau.
-

(1 Markah)

- ii. Berikan **dua** contoh untuk menjelaskan jawapan anda di atas.

(2 Markah)

- b) Senaraikan **dua** kebaikan bangunan hijau.

(2 Markah)

- c) Nyatakan **satu** contoh lain bangunan hijau di Malaysia yang anda ketahui.

(1 Markah)

2. a) Jadual satu menunjukkan pelepasan gas karbon dioksida bagi bandar P, Q dan R.

Bandar	P	Q	R
pelepasan gas karbon dioksida (ton/tahun)	48532	102595	58324

- i) Berdasarkan jadual 1, nyatakan bandar yang mempunyai jejak kaki karbon yang paling besar.

(1 Markah)

- ii) Berikan **dua** sebab yang mungkin untuk menjelaskan jawapan anda di 2 a) i) di atas

(2 Markah)

- b) Nyatakan **satu** kepentingan mengurangkan jejak kaki karbon kepada manusia.(1 markah)
-

- c) Mengitar semula botol plastik mampu mengurangkan jejak kaki karbon. Anda dibekalkan dengan satu botol plastik, dua batang sudu plastik dan tali. Reka bentuk sebuah tempat makan burung yang tergantung dalam ruang yang disediakan di bawah. Labelkan rajah anda.

(3 markah)

Bahagian C

1. Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi menjayakan lagi konsep Teknologi Hijau di Malaysia.

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Teknologi Hijau? [2 markah]
- b) Jelaskan **empat** kepentingan mengamalkan konsep Teknologi Hijau. [4 markah]
- c) Pembuangan sisa pepejal di bandar Y menjadi sukar dikawal akibat daripada kuantitinya yang terlalu banyak walaupun pihak yang berwajib sering melakukan penyenggaraan. Berikan cadangan anda untuk mengatasi masalah di bandar Y.
- Mengenal pasti masalah
 - Terangkan punca masalah berikut
 - Terangkan dua kaedah penyelesaian masalah tersebut menggunakan konsep Teknologi Hijau
- [6 markah]


2. Aktiviti pembakaran hutan merupakan salah satu isu sosiosaintifik yang berlaku di dunia

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan isu sosiosaintifik? [2 markah]
- b) Jelaskan dua faktor yang menyumbang kepada isu sosiosaintifik [4 markah]
- c) Kebanyakan bahan buangan domestik seperti plastik dilupuskan dengan cara pembakaran terbuka. Hal ini menyebabkan pencemaran udara. Terangkan kaedah untuk mengatasi masalah ini.
- Mengenal pasti masalah
 - Penjelasan masalah
 - Kaedah-kaedah penyelesaian
 - Pilih kaedah terbaik dan jelaskan pilihan anda
- [6 markah]
3. Setiap individu bertanggungjawab dalam mengaplikasikan Teknologi Hijau bagi mengurangkan jejak kaki karbon dan memelihara alam sekitar daripada fenomena pemanasan global.
- a) Apakah yang dimaksudkan dengan jejak kaki karbon? [2 markah]
- b) Nyatakan dua faktor yang menyumbang kepada berlakunya jejak kaki karbon [4 markah]
- c) Setiap individu di Malaysia menggunakan kenderaan bermotor untuk ke destinasi yang ingin dituju. Gas – gas dalam asap kenderaan boleh mengakibatkan berlakunya hujan asid. Terangkan kaedah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini.
- Mengenal pasti masalah
 - Penjelasan masalah
 - Kaedah-kaedah penyelesaian
 - Pilih kaedah terbaik dan jelaskan pilihan anda
- [6 markah]

TEMA 2: PENYENGGARAN DAN KESINAMBUNGAN HIDUP


BAB 5 : GENETIK

SK	SP	TP	TERCAPAI
5.1	5.1.1 Menerangkan GEN dan DNA serta KROMOSOM	1	
	5.1.2 Membanding bezakan mitosis dan meiosis	3	
	5.1.3 Mewajarkan kepentingan meiosis dan mitosis	4	
5.2	5.2.1 Menerangkan perwarisan dalam manusia	2	
	5.2.2 Berkomunikasi tentang mekanisma pewarisan	2	
5.3	5.3.1 Menjelaskan maksud mutase dan jenis mutase	2	
	Menerangkan dengan contoh faktor yang menyebabkan mutase gen dan mutase kromosom	3	
	5.3.3 Menerangkan dengan contoh penyakit gangguan gen dengan ciri-cirinya dan kaedah mengesan penyakit tersebut	3	
	5.3.4 Membincangkan aplikasi penyelidikan genetic dalam meningkatkan kualiti kehidupan	3	
5.4	5.4.1 Mewajarkan teknologi kejuruteraan genETIK	5	
	Membahaskan kesan teknologi kejuruteraan genetic dalam kehidupan	5	
	5.4.3 Mewajarkan etika dalam teknologi kejuruteraan genetic	3	
5.5	5.5.1 Berkomunikasi mengenai variasi selanjar dan variasi tak selanjar	3	





Pembahagian sel

Proses pembahagian sel dikawal oleh bahan yang terdapat dalam nukleus.



Apa itu nukleus?

Nukleus merupakan struktur dalam sel yang mengawal segala aktiviti dalam sel. Nukleus membawa maklumat genetik. Nukleus mengandungi kromosom.

 <p>Satu kromatid</p> <p>Sentromer</p> <p>Kromatid kembar</p>	<p>Apa itu kromosom?</p> <p>Struktur bebenang halus yang terdiri daripada asid nukleik dan protein, panjang dan berlingkar yang terletak di dalam nukleus</p>
	<p>Apa itu DNA?</p> <p>DNA terdiri daripada dua rantai polinukleotida yang berpintal antiselari antara satu sama lain membentuk struktur yang dikenali sebagai heliks ganda dua</p>
	<p>Apa itu Gen?</p> <p>Gen ialah unit asas perwarisan yang menentukan ciri-ciri individu. Gen yang berfungsi mengawal ciri-ciri yang diwarisi dalam organisme. Gen tersusun sebagai segmen pada DNA di sepanjang kromosom.</p>

Latihan Prestasi TP 1

1 Apakah unit perwarisan?

.....

2 Di manakah pembahagian sel berlaku?

.....

3 DNA terdiri daripada unit-unit asas yang dikenali sebagai **nukleotida**. Nyatakan tiga komponen unit asas tersebut.

.....

4 DNA terdiri daripada dua rantai polinukleotida yang berpintal antiselari dan akan membentuk satu struktur X. Namakan struktur X.

.....

5 Apakah itu kromosom?


.....


6 Apakah kandungan di dalam nukleus?

.....


7. Labelkan rajah di bawah dengan menggunakan jawapan yang disediakan di bawah

Asid deoksiribonukleik	Kromosom	Sel	Gen	Nukleus
------------------------	----------	-----	-----	---------






Kariotip manusia



Kromosom boleh dibahagikan kepada **autosom dan kromosom seks**.
Autosom membawa gen yang mengawal sifat seperti warna mata, kebolehan menggulung lidah dan jenis rambut.
Kromosom seks pula membawa gen yang menentukan sama ada lelaki atau perempuan.



Latihan Prestasi TP1

- 1 Nyatakan dua jenis kromosom

.....

- 2 Kromosom seks pula terbahagi kepada dua jenis kromosom. Nyatakan.

.....

- 3 Penentuan jantina bagi manusia normal ditentukan oleh kromosom

.....

- 4 Definisikan kariotip.

.....

- 5 Pasangan kromosom akan dikenali sebagai

.....

- 6 Berapakan bilangan kromosom bagi manusia yang normal?

.....

Latihan Objektif

- 1 Namakan bahagian yang berfungsi mengawal keseluruhan aktiviti sel.

- | | |
|----------------------|---------------------|
| A Membran sel | B Vakuol |
| C Nukleus | D Sitoplasma |

- 2 Maklumat di bawah adalah mengenai struktur X.

'Struktur bebenang halus yang terdiri daripada asid nukleik, protein, panjang dan berlingkar'

Apakah X?

- | | |
|---------------------------------|-------------------|
| A Asid deoksiribonukleik | B Kromosom |
| C Polinukleotida | D Gen |

- 3 Maklumat di bawah adalah mengenai struktur Y.

'Terdiri daripada dua rantai yang berpintal antiselari antara satu sama lain'

Apakah Y?

- | | |
|---------------------------------|-------------------|
| A Asid deoksiribonukleik | B Kromosom |
| C Polinukleotida | D Gen |

4 Maklumat di bawah adalah mengenai struktur Z.

'Berfungsi mengawal ciri-ciri yang diwarisi dalam organisma seperti menggulung lidah'


Apakah Z?

- A Asid deoksiribonukleik
C Polinukleotida


- B Kromosom
D Gen

Soalan Struktur

1 Rajah 1.1 dan Rajah 1.2 menunjukkan kariotip manusia.



Rajah 1.1



Rajah
1.2

a) Bagaimanakah kariotip manusia disusun?

.....

b) Tentukan jantina bagi dan terangkan

Rajah 1.1 :

Alasan :

Rajah 1.2 :

Alasan :

c) Nyatakan bilangan kromosom yang terdapat dalam sel soma manusia yang normal.

.....

d) Nyatakan **dua jenis kromosom** yang terdapat dalam kariotip manusia normal

.....

e) Kromosom yang disusun berpasangan dalam Rajah 1.1 dikenali sebagai

.....

f) Nyatakan nombor pasangan kromosom dalam kariotip manusia menunjukkan

Kromosom autosom :

Kromosom seks :

g) Definisi kariotip manusia


- h) Apakah gen yang dibawa oleh kromosom berikut:

Kromosom autosom :

Kromosom seks :

Mitosis dan Meiosis

- 1 Terdapat **dua** jenis pembahagian sel :
 - _ Mitosis
 - _ Meiosis
- 2 **Mitosis** ialah proses pembahagian sel yang membentuk **dua sel anak yang seiras**, dengan setiap satunya mengandungi **bilangan kromosom dan kandungan bahan genetik yang sama dengan sel induk**.
Mitosis berlaku di sel soma di dalam badan manusia dan haiwan
Mitosis juga berlaku di tisu meristem seperti **hujung akar dan pucuk tumbuhan**
- 3 **Meiosis** ialah proses apabila sel membahagi **empat sel anak yang tidak seiras** dengan setiap satunya mengandungi **separuh daripada bilangan kromosom sel induk**
Meiosis berlaku dalam **organ pembiakan seks**
Meiosis dalam manusia berlaku dalam testis lelaki dan ovarи perempuan, bagi tumbuhan berlaku dalam **anter dan ovary**



Latihan

- 1 Nyatakan **dua** jenis pembahagian sel

.....
.....
2 Apakah maksud mitosis?

.....
.....
3 Apakah maksud meiosis?

.....
4 Nyatakan lokasi berlakunya proses dalam manusia.

i) Mitosis :

ii) Meiosis :

.....
5 Nyatakan lokasi berlakunya proses dalam tumbuhan

j) Mitosis :


ii) Meiosis :

.....
6 Nyatakan persamaan dan perbezaan antara proses mitosis dan meiosis.

MITOSIS		MEIOSIS
Persamaan		
	Perbezaan	
	Lokasi berlaku	
	Bilangan sel anak	
	Kandungan Genetik	
	Berlaku variasi	
	Bilangan kromosom	
	Bilangan pembahagian sel	


A Proses Mitosis

Profasa




- Kromosom **memendek dan menebal dan menjadi jelas kelihatan**
- Setiap kromosom terdiri daripada **dua kromatid** yang bercantum pada **sentromer**
- Gentian gelendong mula terbentuk
- **Membran nukleus** dan **nucleolus** terurai

Metafasa




- Kromosom **tersusun** di satah khatulistiwa.
- Gentian gelendong melekat pada sentromer

Anafasa




- Sentromer **membahagi** dua setiap kromatid kembar berpisah dan bergerak ke kutub sel bertentangan (pengutuban)

Telofasa




- Kromatid sampai ke kutub bertentangan
- Membran nukleus dan nukleolus **terbentuk semula**
- Kemudian, sitoplasma **membahagi**
- **Dua sel anak** yang mempunyai bilangan kromosom dan maklumat genetik yang sama dengan sel induk terbentuk

B Proses Meiosis			
Profasa I	Metafasa I	Anafasa I	Telofasa I
			
<ul style="list-style-type: none"> I Kromosom memendek dan menebal dan menjadi jelas kelihatan I Kromosom homolog berpasangan – Pindah silang berlaku iaitu pertukaran maklumar genetik antara kromosom homolog 	<ul style="list-style-type: none"> I Kromosom homolog tersusun di satah khatulistiwa I Gentian gelendong melekat pada sentromer 	<ul style="list-style-type: none"> I Kromosom homolog berpisah dan bergerak ke kutub bertentangan 	<ul style="list-style-type: none"> I Sitoplasma Membahagi I Peringkat akhir meiosis I tamat
Profasa II	Metafasa II	Anafasa II	Telofasa II
 	 	 	 
I Gentian gelendong mula terbentuk	<ul style="list-style-type: none"> I Kromosom tersusun di satah khatulistiwa I Gentian gelendong melekat pada sentromer 	<ul style="list-style-type: none"> I Sentromer membahagi dua dan kromatid kembar berpisah dan bergerak ke kutub sel yang bertentangan (pengutubaran) 	<ul style="list-style-type: none"> I Empat sel anak yang tidak seiras (gamet) dan Mempunyai bilangan kromosom separuh daripada bilangan kromosom sel induk terbentuk
Kepentingan Mitosis dan Meiosis			
<ul style="list-style-type: none"> – Mitosis penting untuk pertumbuhan organisme – Mitosis menghasilkan sel baru yang sama dengan sel induk – Mitosis penting untuk menggantikan sel-sel rosak atau mati jika terluka atau cedera – Meiosis penting untuk penghasilan gamet 			

Latihan Prestasi TP 1 – TP 2

1 Rajah 1 menunjukkan satu proses pembahagian sel.



a) Namakan jenis pembahagian sel tersebut

.....

b) Terangkan jawapan anda.

.....

c) Namakan setiap fasa P, Q, R dan S

P Q

R S

d) Lukiskan fasa R.

e) Terangkan fasa Q dalam pembahagian sel.

.....

f) Pilih (\checkmark) lokasi tempat berlakunya proses yang dinamakan di(a).

	sel hidung		Ovary
--	------------	--	-------

g) Adakah berlakunya variasi dalam pembahagian sel ini? Terangkan.

.....


h) Pada pendapat anda, apakah kepentingan proses pembahagian sel apabila seseorang itu tercedera terkena pisau yang tajam?

.....


Latihan 2 : Soalan Objektif

1 Antara yang berikut, yang manakah urutan peringkat mitosis yang betul?


A



B




C



D




- 2 Antara pernyataan berikut, yang manakah benar mengenai mitosis?
- A Melibatkan semua jenis sel B Terlibat dalam pertumbuhan
 C Bilangan kromosom menjadi separuh D Kandungan genetik sel anak sama dengan sel induk
- 3 Pernyataan yang manakah betul mengenai proses meiosis?
- A Berlaku pada sel soma (sel badan) B Nukleus membahagi dua kali
 C Bilangan kromosom dikekalkan D Setiap sel induk menghasilkan dua sel anak
- 4 Rajah 1 menunjukkan satu proses pembahagian sel.



Apakah proses X?

- A Mitosis B Meiosos
 C Mutasi D Persenyawaan


- 5 Rajah 3 menunjukkan penghasilan gamet.



Apakah proses Y?

- A Mitosis B Meiosos
 C Mutasi D Persenyawaan


- 6 Rajah 4 menunjukkan satu proses dalam badan manusia.



Apakah proses L?

- A Mitosis B Meiosis
 C Mutasi D Persenyawaan


7 Rajah 5 menunjukkan peringkat-peringkat bagi proses mitosis.



Urutan manakah yang betul?

- A** P,Q,R,S **B** Q,P,S,R
C R,S,P,Q **D** S,Q,R,P

8 Rajah di bawah menunjukkan peringkat suatu pembahagian sel.




Namakan struktur X?

- A** Kromatid **B** Sentromer
C Kromosom **D** Khatulistiwa

Soalan Bahagian B

1 Rajah 1 menunjukkan peringkat pembahagian sel.



Rajah 1

- a) i) Namakan jenis pembahagian sel yang ditunjukkan dalam Rajah 1

.....

- ii) Berikan sebab kepada jawapan anda di 1(a)(i).

.....

- b) Susun peringkat pembahagian sel K,L,M dan N mengikut urutan yang betul dalam petak yang disediakan.



- c) i) Namakan struktur P.

.....

- ii) Berapakah bilangan struktur P dalam setiap sel pada peringkat K?

.....

- d) Apakah yang akan berlaku kepada struktur P jika didekahkan kepada sinaran radioaktif?

.....


Latihan Pengukuran:

Terangkan bagi setiap peringkat yang berlabel **K,L,M** dan **N**

Peringkat	Penerangan
K	
L	
M	
N	

Latihan : Soalan Esei

- 1 a) Rajah 1.1 menunjukkan satu cara pembahagian sel iaitu proses Y.




Rajah 1.1

Nyatakan **empat** ciri-ciri proses Y yang terlibat.

- i)
- ii)
- iii)
- iv)

- b) Rajah 1.2 menunjukkan bahagian-bahagian yang terlibat dalam pembahagian sel iaitu mitosis.



Rajah 1.2


Kaji maklumat dalam Rajah 1.2 dan bina konsep mitosis.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan aspek-aspek berikut:

- i) Kenalpasti **dua** ciri sepunya
 - .1.
 2.
- ii) Berikan **satu contoh** lain bahagian berlakunya proses mitosis.
.....
- iv) Berikan **satu** contoh bukan bahagian berlakunya proses mitosis
.....
- v) Hubungkaitkan ciri sepunya untuk membina konsep mitosis
.....

Standard Kandungan : 5.2 Pewarisan

Apa itu pewarisan?	Pemindahan ciri daripada ibu bapa kepada anak-anaknya												
Apakah perbezaan ciri dengan trait?	Ciri ialah sifat ketara yang diwarisi dan ditentukan oleh gen seperti warna mata. Trait ialah varian bagi ciri khusus yang membezakan antara individu. Jadi trait bagi warna mata ialah warna hitam, warna biru dan warna coklat.												
Gen	Gen merupakan unit pewarisan iaitu semua ciri-ciri yang ada sebenarnya diturunkan oleh Gen. Gen mengawal ciri tertentu dalam organisma. Pasangan gen yang berada pada lokus yang sama dipanggil alel. Alel boleh wujud dalam bentuk alel dominan dan alel resesif.												
Alel Dominan	Alel dominan ialah yang akan memamerkan ciri yang dikawalnya dan menutupi kesan alel resesif. Biasanya ditulis dengan huruf besar. Contohnya tinggi diwakili dengan huruf T.												
Alel Resesif	Alel resesif menunjukkan ciri yang dikawalnya apabila alel dominan tidak hadir. Ciri resesif akan dipamerkan apabila kedua-dua alel adalah resesif. Diwakili dengan huruf kecil. Contoh: Rendah diwakili dengan huruf "t".												
Trait	Bagi setiap trait kita mewarisi dua salinan gen, satu daripada ibu dan satu daripada bapa. Huruf besar A, B, C dan D mewakili alel dominan manakala huruf kecil a, b, c dan d mewakili alel resesif.												
Contoh alel dominan dan alel resesif	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Trait dominan</th> <th>Trait resesif</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Boleh menggulung lidah</td> <td>Tidak boleh menggulung lidah</td> </tr> <tr> <td>Rambut hitam</td> <td>Rambut perang muda</td> </tr> <tr> <td>Cuping telinga bebas</td> <td>Cuping telinga melekap</td> </tr> <tr> <td>Rambut kerinting</td> <td>Rambut lurus</td> </tr> <tr> <td>Tidak Mempunyai lesung pipit</td> <td>Mempunyai lesung pipit</td> </tr> </tbody> </table>	Trait dominan	Trait resesif	Boleh menggulung lidah	Tidak boleh menggulung lidah	Rambut hitam	Rambut perang muda	Cuping telinga bebas	Cuping telinga melekap	Rambut kerinting	Rambut lurus	Tidak Mempunyai lesung pipit	Mempunyai lesung pipit
Trait dominan	Trait resesif												
Boleh menggulung lidah	Tidak boleh menggulung lidah												
Rambut hitam	Rambut perang muda												
Cuping telinga bebas	Cuping telinga melekap												
Rambut kerinting	Rambut lurus												
Tidak Mempunyai lesung pipit	Mempunyai lesung pipit												



Latihan Prestasi TP 1

1 Berikan maksud :

a) Trait

b) Alel


c) Alel dominan

d) Alel resesif


Mekanisme Perwarisan

- 1 **Gregor Mendel** ialah orang pertama yang menemui mekanisme pewarisan secara teratur dan mendalam.
Mendel menggunakan pokok kacang peea berbaka tulen dalam eksperimen beliau tentang kacukan **monohibrid**
Kacukan monohybrid melibatkan kajian tentang satu ciri pada satu masa, sebagai contoh **ketinggian, iaitu tinggi atau rendah**
- 2 **Mendel** melakukan kacukan antara satu pokok kacang peea tinggi yang berbaka tinggi yang berbaka tulen dengan satu pokok kacang peea kerdil yang kerdil berbaka tulen
- 3 **Pokok tinggi berbaka tulen** ialah pokok yang mempunyai genotip 'TT' dalam beberapa generasi sebelumnya
Pokok kerdil berbaka tulen ialah pokok yang mempunyai genotip 'tt' dalam beberapa generasi sebelumnya
- 4 **Generasi pertama** hasil daripada kacukan disebut sebagai **generasi filial pertama (F1)** Apabila individu daripada F1 dikacukkan dengan generasi filial kedua F2 terbentuk
- 5 **Genotip** ialah **maklumat genetik** dalam sesuatu organisme
Fenotip ialah ciri-ciri fizikal yang dipamerkan pada sesuatu organisme

Rajah skema kacukan monohybrid bagi ciri ketinggian




Rajah skema kacukan monohybrid generasi filial ke-2 bagi ciri ketinggian



Pewarisan ciri daripada eksperimen Mendel boleh digunakan untuk menerangkan pewarisan ciri pada manusia.

Ciri yang diwarisi oleh seseorang bergantung pada gen yang diwarisi daripada ibu bapanya

Mekanisme pewarisan ciri boleh ditunjukkan pada rajah skema di bawah:



Lelaki mempunyai 46 kromosom yang terdiri daripad 44 autosom dan 2 kromosom seks iaitu **kromosom X** dan **kromosom Y**

Maka, sperma akan mempunyai separuh bilangan kromosom induk iaitu 23 kromosom sama ada $22+X$ atau $22+Y$)


Perempuan mempunyai 46 kromosom yang terdiri daripad 44 autosom dan 2 kromosom seks iaitu **sepasang kromosom Y**

Maka, ovum juga membawa separuh bilangan kromosom induk iaitu 23 kromosom ($22+X$) Anak **perempuan**: jika sperma ($22+X$) mensenyawakan ovum ($22+X$) = $44+XX$

Anak **lelaki** : jika sperma ($22+Y$) mensenyawakan ovum ($22+X$)

$$= 44+XY$$

Penentuan Jantina anak :



Kebarangkalian untuk mendapatkan anak lelaki atau perempuan pada setiap kehamilan adalah **sama** iaitu 50%


Proses penghasilan gamet : **Proses meiosis**

Proses pembentukan anak : **Pensenyawaan**

Soalan Objektif

- 1 Berapakah bilangan kromosom dalam sel soma seorang lelaki?
A 44 + XX C 46 + XX
B 44 + XY D 46 + XY


2 Rajah di bawah menunjukkan sepasang kromosom homolog.



Apakah yang diwakili oleh X?

- A Apakah yang diwariskan oleh X:
A Alel dominan C Sentromer
B Alel Resesif D Kromatid


- 3 Rajah di bawah menunjukkan perwarisan satu trait kacang peah.



Apakah genotif dan Fenitip F_1 ?

	Genotip	Fenotip
A	TT	Kerdil
B	tt	Tinggi
C	Tt	Kerdil
D	Tt	Tinggi

- 4 Rajah di bawah menunjukkan skema perwarisan pada manusia.



Apakah kromosom bagi Q

- A 22 + XX
B 22 + XY


- C 44 + XX
D 44 + XY

5 Antara berikut yang manakah dipadankan dengan betul.

	Proses pembahagian sel	Tempat berlakunya pembahagian sel
A	Mitosis	Jantung
B	Meiosis	Kulit
C	Mitosis	Sperma
D	Meiosis	Hati

Latihan : Mekanisme Pewarisan Sifat

- 1 Lengkapkan gambar rajah skema untuk menunjukkan kacukan antara seorang lelaki heterozigot yang berambut hitam (Rr) dengan seorang perempuan yang berambut perang muda (rr)




Nisbah genotip :
Nisbah fenotip :

- 2 Warna iris hitam ditentukan oleh gen dominan (B) manakala iris biru ditentukan oleh gen resesif

(b).

Jika seseorang homozigot dominan dikacukkan dengan heterozigot , lengkapkan gambar rajah skema di bawah.




Kirakan peratus bagi yang mempunyai iris berwarna biru.

Latihan: Latihan Penentuan Jantina Anak


1. Rajah 1 menunjukkan susunan kromosom bagi manusia. Labelkan jenis kromosom **autosom** dan **kromosom seks** pada rajah berikut:

Nyatakan **jantina** bagi Rajah 1 dan jelaskan


